



Cikgu Linda doakan
moga murid-murid
menjadi anak yang
Cemerlang
aamiin.

Nama Penuh Murid:

SAINS TAHUN 6

SK: 9.1 / SP: 9.1.1 - 3

NOTA.

Kenali Bahan Buangan

Setiap hari kita
membuang sisa
makan, beg plastik,
tin minuman,
kertas dan pelbagai
bahan lain.

Buku Teks
M/S:
149 - 152

Apakah maksud bahan
buangan?

Bahan buangan ialah bahan yang
tidak diperlukan lagi dan tidak
mahu disimpan.



Kategori Bahan buangan



Plastik

Bahan buangan plastik terdiri daripada bahan sintetik, pembungkus makanan, botol dan bekas yang diperbuat daripada plastik.



Logam

Bahan buangan seperti besi buruk, tin aluminium dan tin susu ialah contoh bahan buangan logam.



Kaca

Botol, balang serta peralatan kaca ialah contoh bahan buangan kaca.



Kertas

Bahan seperti surat khabar lama, majalah, dan kotak ialah bahan buangan jenis kertas.

Sisa Makanan

Sisa tulang, kulit buah-buahan, hampas sayuran serta makanan yang rosak ialah bahan buangan yang berasal daripada makanan kita.



Bahan Kumuh dan Tinja

Bahan buangan yang disingkirkan daripada badan manusia dan haiwan seperti urin dan tinja ialah bahan buangan daripada jenis bahan kumuh dan tinja.



Kategori Bahan buangan

Sisa Toksik

Sisa toksik ialah bahan buangan yang berasal daripada cecair kimia, bahan buangan industri serta sisa pertanian. Botol aerosol, cecair pembasmi makhluk perosak, cecair bateri, dan asap kenderaan juga dikategorikan sebagai bahan buangan sisa toksik.



KLIK INFO



Berhati-hati dengan bahan buangan toksik! Berikut ialah maksud simbol yang terdapat pada bekas bahan toksik.



Mudah terbakar



Mengandungi bahan beracun dan menyebabkan jangkitan



Mengandungi bahan yang mengandungi mikroorganisma berbahaya



Mengandungi bahan buangan berasid dan boleh mengakis kulit dan logam



asap kenderaan



semburan racun makhluk perosak



bahan buangan industri



asap daripada kilang

Soalan Latihan (Betul / Salah)

1. Kulit bawang dan buah-buahan adalah salah satu daripada buangan kategori sisa makanan.

BETUL

SALAH

2. Pinggan pecah adalah salah satu daripada buangan kategori plastik.

BETUL

SALAH

3. Minyak masak yang telah digunakan adalah salah satu daripada buangan kategori bahan kumbahan.

BETUL

SALAH

4. Kebanyakan bahan toksik terdiri daripada bahan yang mudah terbakar.

BETUL

SALAH

5. Rajah yang ditunjukkan merupakan bahan buangan kategori logam.

BETUL

SALAH



Bahan Terbiogradasi

Terbiogradasi Bermaksud bahan tersebut **boleh direputkan** oleh mikroorganisma & Kembali menjadi nutrient di dalam tanah



Baja tahi lembu



Bahan Tidak Terbiodegradasi



Tidak terbiodegradasi
Bermaksud bahan
tersebut **tidak boleh**
direputkan oleh
mikroorganisma.



Mencemarkan alam & memberi ancaman kepada haiwan



Antara rajah berikut yang mana bahan terbiodegradasi dan yang mana tidak terbiodegradasi.



**Tidak
terbiodegradasi**



Soalan Latihan (Betul / Salah)

1. Bahan buangan yang tidak terbiodegradasi tidak akan mencemarkan alam sekitar.

BETUL

SALAH

2. Bahan buangan yang terbiodegradasi tidak akan mencemarkan alam sekitar.

BETUL

SALAH

3. Bahan buangan yang tidak terbiodegradasi boleh direputkan oleh mikroorganisma.

BETUL

SALAH

4. Bahan buangan yang boleh diuraikan oleh mikroorganisma akan menjadi nutrient dalam tanah.

BETUL

SALAH

5. Bahan buangan yang terbiodegradasi boleh direputkan oleh mikroorganisma.

BETUL

SALAH